



**MEMO ANTARA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU**

No. Telefon : 07-2257000 samb. 2907

No. Faks : 07-2242694

RUJ. FAIL	HSAJB/98J/3.2/KEW/400-179 (79)	TARIKH	I Mac 2021
KEPADA	KETUA JABATAN (SEPERTI SENARAI EDARAN)	Salinan Kepada : <ul style="list-style-type: none">• TPH (PERUBATAN)• TPH (PEMBEDAHAN)• TPH (PENGURUSAN)• KPP (KEW)	
DARIPADA	PENGARAH HOSPITAL		
PERKARA	PEMBERIAN <i>ONE-OFF</i> KEPADA ANGGOTA BARISAN HADAPAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SEBAGAI PENGHARGAAN DALAM MENANGANI DAN MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19		

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan Kerajaan melalui Belanjawan 2021 telah mengumumkan pemberian *one-off* sebanyak RM500.00 kepada anggota barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") sebagai penghargaan dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19. Pemberian ini merupakan tambahan kepada Elaun Khas COVID-19 sedia ada yang dibayar kepada petugas kesihatan yang diarah untuk melaksanakan skop tugas dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19 di KKM.

3. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 2 Tahun 2021 rujukan KKM.500-8/2/72 Jld.5 (37) bertarikh 11 Februari 2021 menjelaskan dasar dan mekanisme pembayaran bagi pemberian *one-off* ini agar pelaksanaannya teratur dan berkesan.

SYARAT PEMBAYARAN

4. Kadar dan kelayakan bagi pemberian *one-off* adalah seperti berikut:

Kadar Penuh RM500	Kadar Separuh RM250
(a) Pegawai diarah untuk melaksanakan skop tugas dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19, dan (b) Pegawai telah dibayar Elaun Khas COVID-19 pada kadar penuh iaitu RM400/RM600 selama tiga (3) bulan atau lebih pada tahun 2020.	(a) Pegawai diarah untuk melaksanakan skop tugas dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19, dan (b) Pegawai telah dibayar Elaun Khas COVID-19 pada kadar penuh iaitu RM400/RM600 kurang daripada tiga (3) bulan atau kadar separuh iaitu RM200/RM300 pada tahun 2020.

5. Skop tugas dalam rangkaian pengurusan COVID-19 adalah sepertimana dijelaskan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 16 Mac 2020 dan Surat Edaran Ketua Setiausaha KKM rujukan KKM.500-8/2/72 Jld. 3 (48) bertarikh 21 April 2020.

KAEDAH TUNTUTAN

6. Pegawai yang berkecualan dikehendaki mematuhi arahan tuntutan seperti berikut:

6.1. mencetak **Borang HSAJB KEW-1** yang boleh dijana melalui laman web

<http://hsaonline.moh.gov.my/elaun>

atau

talian 1govnet di <http://10.77.65.100/elaun>

(sila ikut arahan Tatacara Mencetak Penyata Bayaran Tuntutan Elaun Khas COVID-19 Bagi Tahun 2020 di Lampiran 1);

6.2. mengisi butiran tuntutan pada **Borang Tuntutan Pemberian *One-Off* Kepada Anggota Barisan Hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia** sepertimana di Lampiran 2. Perkara yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut:

Bahagian A: Maklumat pegawai yang menuntut hendaklah dilengkapkan.

Bahagian B: Tuntutan Pemberian *One-Off* perlulah diisi sepertimana Borang HSAJB KEW-1 yang dicetak.

Bahagian C: Perakuan pegawai yang menuntut dengan menandatangani di ruang yang sediakan beserta tarikh.

Bahagian D: Pengesahan Ketua Jabatan oleh Ketua Yang Menyelia pegawai sepertimana takrifan memo Penambahbaikan Dalam Pemberian Elaun Khas kepada Doktor dan Anggota Kesihatan yang Terlibat Secara Langsung Dalam Usaha Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 rujukan HSAJB/98J/3.2/KEW/400-179(19) bertarikh 23 April 2020 dan memo Kemaskini: Penempatan Pesakit *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)/Person Under Investigation (PUI)/Person Under Surveillance (PUS)* COVID-19 di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru rujukan HSAJB/98J/3.2/PGH100-03/04-02 Jld. 2 (24) bertarikh 16 Februari 2021.

6.3. mengemukakan **Borang Tuntutan Pemberian *One-Off* Kepada Anggota Barisan Hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia** dan **Borang HSAJB KEW-1** yang telah lengkap ke Unit Pengurusan Kewangan **sebelum atau pada 15 Mac 2021 (Isnin)**. Borang tuntutan yang tidak lengkap akan dikuiiri dan dikembalikan kepada penuntut.

7. Bagi **pegawai yang bertukar masuk**, sila kemukakan surat Pengesahan Tidak Membayar Tuntutan Pemberian *One-Off* dan Penyata Bayaran Tuntutan Elaun Khas COVID-19 Tahun 2020 daripada PTJ lama. Ini bagi mengelakkan pembayaran dua (2) kali dibuat untuk pegawai yang sama di PTJ berbeza.

8. Bagi **pegawai yang bertukar keluar**, sila kemukakan tuntutan di PTJ baharu. Pegawai perlu memohon surat Pengesahan Tidak Membayar Tuntutan Pemberian *One-Off* dan Penyata Bayaran Tuntutan Elaun Khas COVID-19 Tahun 2020 daripada Unit Pengurusan Kewangan HSAJB untuk permohonan pembayaran ke PTJ baharu.

9. Pegawai adalah bertanggungjawab melaporkan tuntutan yang lengkap dan betul untuk tujuan pembayaran. Ketua Jabatan boleh mengarahkan suatu siasatan ke atas pegawai sekiranya **disyaki** membuat tuntutan palsu. Sekiranya sabit kesalahan, pegawai **boleh dikenakan** tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

10. Kerjasama YBrs. Dr./tuan/puan adalah dipohon untuk memastikan pemanjangan perkara ini kepada semua anggota di bawah seliaan masing-masing untuk tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan kepada pegawai di Unit Pengurusan Kewangan seperti berikut:

- a) Puan Subathira A/P Jayaramachandram
E-mel: subathira@moh.gov.my
Sambungan: 2907
- b) Puan Masdita binti Md Dan
E-mel: masdita@moh.gov.my
Sambungan: 2797
- c) Puan Hamidah binti Mohamed
E-mel: hamidahm@moh.gov.my
Sambungan: 2921
- d) Puan Nor Aslin binti Badron
E-mel: aslin@moh.gov.my
Sambungan: 2925

Sekian, terima kasih.

“PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISME ADALAH BUDAYA KERJA KITA”


DR. REDZUAN BIN AB HAMID
No. Pendaftaran Penuh MPM: 37825
Timbalan Pengarah Hospital (Pembedahan)
c.p. Pengarah Hospital
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

(DR. HJ. MOHTAR BIN PUNGUT @ HJ. AHMAD)